



STUDY ON THE PARAMETER DETERMINATION FOR TEMPORARY FRIDAY PRAYER PERMISSION BY THE RELIGIOUS AUTHORITIES

KAJIAN PENETAPAN PARAMETER BAGI KEBENARAN SOLAT JUMAAT SEMENTARA OLEH PIHAK BERKUASA AGAMA

Jasni Sulong¹, Muhammad Amir Wan Harun², Mohd Marbawi Taha³ & Muhammad Fathullah Al-Haq Muhamad Asni⁴

¹ Profesor Madya, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia (USM); AJK, Akademi Fiqh Islami Malaysia (AFHAM). jasni@usm.my

² Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia (USM). amirwan@usm.my

³ Pensyarah Kanan, Universiti Teknologi MARA (UiTM). mohdmarbawi620@ppinang.uitm.edu.my

⁴ Pensyarah Kanan, Kolej Universiti Islam Perlis. fathasni90@gmail.com

Abstract

Friday prayer is a fardu ain on male mukallaf and it is the biggest mark in Islam to be performed at the time of Zuhr on Friday. The development of human population in an area makes the existing mosque unable to accommodate the overflow of worshipers which increases from year to year. Especially when the mosque that was built earlier was small and narrow, as well as be surrounded by roads and ditches that made it difficult to enlarge the building. If the mosque needs to be enlarged, the existing mosque needs to be vacated for safety and hence, needs a new location for prayers. If the mosque is narrow, it requires to build an additional mosque which can resulted multiple Friday prayers in the area. All these consequences, led to the need for temporary permission for Friday prayers or multiple Friday prayers by the religious authorities. Thus, a study was conducted to examine the parameters that need to be examined by the State Mufti Department and the State Islamic Religious Council in endorsing such applications. This research method is qualitative with data collection is based on literature review and interviews, and data analysis is based on content analysis. The study found that the permission for temporary Friday prayers and multiple Friday prayers in one location can be allowed on the basis of maslahat when there is a difficulty, have a suitable area, congregation of more than 40 people and the residents stay permanently.

Keywords: Friday, Prayer, Temporary, Multiple, Mosque.

Abstrak

Solat jumaat adalah merupakan fardu ain ke atas mukallaf lelaki dan menjadi syiar terbesar dalam Islam untuk didirikan pada waktu zohor di hari jumaat. Perkembangan

populasi manusia di sesebuah kawasan menyebabkan masjid sedia ada tidak mampu menampung limpahan jemaah yang bertambah ramai dari setahun ke setahun. Lebih-lebih lagi apabila masjid yang dibina dahulu adalah kecil dan sempit, serta dikelilingi oleh jalan raya dan parit yang menyukarkan bangunan tambahan. Sekiranya masjid memerlukan bangunan tambahan, masjid sedia ada perlu dikosongkan untuk keselamatan dan perlukan lokasi baharu untuk solat. Jika masjid sempit, ia memerlukan pembinaan masjid tambahan yang boleh menyebabkan berbilang jumaat di sesuatu kawasan. Semua ini menyebabkan perlunya kebenaran solat jumaat sementara atau solat jumaat berbilang oleh pemerintah. Justeru, kajian dilakukan bagi meneliti parameter yang perlu diteliti oleh Jabatan Mufti Negeri dan Majlis Agama Islam Negeri dalam memperakukan permohonan-permohonan sedemikian. Kaedah penyelidikan ini adalah secara kualitatif dengan pengumpulan data adalah berdasarkan kajian kepustakaan dan temubual, dan analisis data pula berdasarkan analisis kandungan. Kajian mendapati kebenaran solat jumaat sementara dan solat jumaat berbilang di satu-satu lokasi boleh dibenarkan atas dasar maslahat apabila wujudnya mashaqqah, kawasan sesuai, jemaah melebihi 40 orang dan ahli kariah yang bermukim secara tetap.

Kata kunci: *Jumaat, Solat, Sementara, Berbilang, Masjid.*

PENDAHULUAN

Solat jumaat sementara ialah kebenaran solat jumaat yang dilakukan secara sementara di lokasi-lokasi tertentu melalui tauliah yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Negeri dan Majlis Agama Islam Negeri. Kedua pihak berkuasa agama ini memerlukan kepada satu parameter yang seragam bagi memastikan keputusan yang dilakukan adalah konsisten. Parameter kebenaran solat jumaat sementara dalam penyelidikan ini bermaksud garis-garis yang menentukan kelulusan atau batasan mengenai kebenaran untuk mendirikan solat jumaat sementara.

Garis panduan ini akan menjadi titik rujukan berdasarkan peruntukan undang-undang. Manakala maksud Solat Jumaat dalam penelitian ini ialah solat fardu (dua rakaat) yang dilakukan pada hari Jumaat menggantikan solat Zohor, dan ianya dilakukan secara berjemaah selepas mendengar khutbah. Solat Jumaat itu hukumnya *fardu ain*, iaitu wajib dikerjakan atas setiap mukallaf dengan syarat-syarat tertentu. Tumpuan hanyalah pada kedudukan solat jumaat yang diberi kebenaran "sementara" iaitu tidak tetap selamanya atau untuk beberapa ketika saja. Dalam konteks surau atau dewan sementara, menjadi antara skop kajian.

Kesesakan umat Islam di sesebuah kawasan dalam sesebuah negeri pada hari ini menuntut penyediaan kemudahan yang lebih banyak dan luas. Kesesakan amat ketara berlaku di kawasan yang padat dengan penduduk misalnya di kawasan tumpuan terbinanya pusat-pusat pendidikan, kawasan kilang mahupun pusat bandar. Keadaan ini menyebabkan kemudahan masjid untuk mendirikan solat khususnya solat jumaat menjadi padat dan melimpah. Ia bukan sahaja menimbulkan ketidakselesaan, malah boleh mengundang berlakunya orang yang tidak dapat menunaikan solat langsung (Sinar Harian, 2014).

Kemudahan masjid biasanya hanya ada sebuah sahaja di sesebuah kariah. Lokasi masjid pula kadangkala jauh dari penempatan utama sehingga menyebabkan ahli kariah terpaksa menaiki kenderaan untuk ke sana. Keadaan ini akan mengakibatkan kesesakan jalanraya, malah menyukarkan untuk meletakkan kenderaan bagi tujuan menunaikan solat

jumaat. Terdapat komuniti tertentu seperti pelajar sekolah, kolej dan pusat tahanan yang menghadapi kesukaran untuk bergerak ke masjid kariah yang jauh ini atas faktor keselamatan.

Terdapat juga keadaan binaan masjid yang kecil dan terhad di sesebuah kawasan akibat binaan yang telah lama dengan struktur yang terhad untuk dibesarkan, sedangkan anggota kariah bertambah dengan pesat dan berkali ganda. Kewujudan jalanraya, kawasan perumahan dan longkang di sekeliling masjid juga merumitkan langkah-langkah untuk membesarkannya bagi menampung pertambahan jemaah. Keadaan ini menyebabkan masjid hanya dapat menampung jumlah jemaah yang terhad (Sinar Harian, 2021).

Justeru, satu langkah penyelesaian sementara ialah dengan membenarkan surau-surau atau kawasan tertentu untuk turut dibenarkan bagi melaksanakan solat jumaat. Kebenaran ini dapat menyelesaikan kesulitan di atas dan seterusnya memberi jalan keluar kepada masalah kesesakan jemaah dan memudahkan orang ramai dalam menunaikan fardu jumaat setiap minggu. Bagaimanapun kebenaran ini tidak sekata dan berbeza-beza mengikut kes dan permohonan dan sehingga kini, tiada parameter khusus mengenai kebenaran ini yang boleh dijadikan rujukan, tentang ciri-ciri yang perlu dimiliki oleh surau/dewan untuk melakukan solat jumaat sementara, dan juga keadaan yang boleh menyebabkan kebenaran mengenainya ditarikbalik. Rujukan kepada permasalahan ini adalah merujuk juga kepada peruntukan qawl muktamad dalam Mazhab Shafi'i yang diperuntukkan oleh undang-undang (Pulau Pinang, 2014).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah merupakan kajian kualitatif yang dipersembahkan secara deskriptif. Menurut Merriam (2009), kajian berbentuk kualitatif kerap digunakan dalam bidang sains sosial dan ia amat berguna supaya kajian dapat dilakukan secara mendalam dan mampu memahami sesuatu masalah dalam dimensi yang lebih luas (Creswell, 2018). Dalam usaha mengumpul data, pengkaji akan menggunakan kajian kepustakaan (*Library Reseach*) dan kajian lapangan dengan meneliti segala buku, jurnal, fatwa silam dan pandangan orang ramai. Setelah itu bahan tersebut akan diteliti semula dengan analisis kandungan dan akhirnya akan dibuat rumusan berkaitan persoalan yang dikaji (Ahmad Sunawari, 2014).

Kajian kepustakaan bermaksud membuat rujukan secara kritikal dan sistematik terhadap dokumen-dokumen yang mengandungi maklumat, idea dan data yang berkaitan dengan topik yang akan dikaji (Chua Yan Piaw, 2006). Kajian ini berperanan sebagai landasan teori yang akan menjadi panduan kepada pengkaji untuk mengetahui perkara yang perlu dikaji khususnya yang melibatkan bidang fekah.

Kesahan dan kebolehpercayaan kajian dipertingkatkan melalui kajian lapangan dengan menemubual responden, pakar bidang dan pihak berkuasa agama yang berkaitan (Maxwell, 2013) khususnya mereka yang terlibat secara langsung secara temu bual (Ahmad Sunawari, 2014). Metode temu bual boleh dilakukan melalui pelbagai cara seperti temu bual bersemuka, temu bual melalui telefon dan temu bual dengan bantuan komputer seperti emel. Terdapat dua cara pengemukaan soalan semasa sesi temu bual iaitu temu bual berstruktur dan temu bual tidak berstruktur (Sabitha Marican, 2005).

Selepas melakukan proses pengumpulan data, pengkaji akan melakukan proses analisis data secara analisis kandungan, dengan menggunakan kaedah induktif dan deduktif. Metode induktif ialah suatu cara untuk menganalisis data melalui pola berfikir dengan cara pembuktian daripada persoalan yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil-dalil yang bersifat umum. Dalam metode ini, maklumat dan data diperolehi secara berterusan bagi

menjelaskan dan merungkai permasalahan yang dikaji (Reevany, et. all. 2006). Metode deduktif adalah pola berfikir untuk mencari pembuktian dengan berpandukan dalil-dalil umum terhadap permasalahan yang bersifat khusus. Dalam erti kata lain, metode ini adalah suatu proses membuat kesimpulan atau rumusan daripada maklumat dan fakta yang ada daripada keadaan yang umum kepada yang khusus. Penyelidik akan memulakan kajian dengan sesuatu teori untuk menjelaskan data yang diperolehi (Sabitha Marican, 2005).

DAPATAN KAJIAN

Hukum-hakam berkaitan dengan solat jumaat dapat diteliti melalui dua aspek, iaitu aspek hukum asal yang mendasari pendirian solat jumaat dan aspek hukum alternatif sekiranya peraturan hukum asal tidak dapat dipenuhi dengan sepenuhnya.

Imam al-Nawawi (t.th) menyatakan, hukum solat jumaat adalah wajib *fardu ain* ke atas setiap orang Islam yang mukallaf, merdeka, lelaki, orang yang bermuqim dan sihat. Seseorang lelaki mukallaf itu wajib hadir kepada solat jumaat selagi mereka dapat mendengar azan, sebagaimana diriwayatkan oleh Abu Dawud (1952) bahawa Rasulullah SAW bersabda:

{الجمعة على من سمع النداء}

Maksud: “Solat jumaat (wajib) ke atas orang yang mendengar azan”.

Bagaimanapun kewajiban ini digugurkan bagi mereka yang berkeuzuran yang diberikan kelonggaran (*rukhsah*) untuk meninggalkan sembahyang berjemaah (al-Nawawi, t.th(b)). Terdapat empat golongan yang dikecualikan daripada solat jumaat sebagaimana riwayat Abu Dawud (1952) yang lain:

{الجمعة حق واجب على كل مسلم إلا أربعة: عبد مملوك أو امرأة أو صبي أو مريض}

Maksudnya, “Jumaat adalah hak yang wajib dilaksanakan oleh setiap muslim, kecuali empat golongan: hamba yang dimiliki, perempuan atau kanak-kanak, atau orang sakit”.

Kewajiban ini menatijahkan celaan dalam agama. Riwayat Abu Dawud (1952) seterusnya ada menyatakan bahawa siapa yang meninggalkan solat jumaat tiga kali atas sebab meremehkan, maka Allah pasti menutup pintu hatinya. Begitu juga sekiranya seseorang tidak hadir jumaat tanpa uzur, seolah dia telah mencampakkan Islam ke belakang punggungnya.

Menurut Imam al-Shafi'i (2011), solat jumat yang dilakukan mesti menghimpun empat puluh jemaah lelaki yang mendengar dengan baik khutbah yang disampaikan. Dicatatkan dalam kitab *Bidayah al-Muhtaj fi Syarh Minhaj*:

{وإسماع أربعين كاملين) للأركان فقط لأن مقصود الوعظ لا يحصل إلا بالإبلاغ. فلو خطب سرا أو رفعه صوته

ولكن لم يسمعوا بعدهم عنه. لم يصح وكذا لو كانوا صما على صحيح

Maksud: “Dan hendaklah diperdengarkan 40 orang akan rukun-rukun khutbah. Kerana maksud memberi nasihat tidak akan berlaku kecuali dengan menyampaikannya. Sekiranya sesuatu khutbah itu disampaikan secara perlahan, ataupun secara nyaring namun tidak didengari oleh 40 orang kerana jaraknya yang jauh, maka khutbah itu tidak sah. Begitu juga tidak sah menurut pendapat yang sahih jika 40 orang jemaah itu pekak”.

Pandangan muktamad dalam Mazhab Shafi'i mensyaratkan bilangan jemaah untuk solat jumaat hendaklah mencapai jumlah tersebut. Menurut al-Nawawi (t.th), solat jumaat

hendaklah didirikan dengan 40 orang kerana itulah bilangan yang telah sabit melalui ketetapan syarak. Bilangan ini disyaratkan mestilah terdiri daripada lelaki yang mukallaf, merdeka dan bertempat tinggal tetap (mustautin). Bilangan 40 ini juga dikaitkan dengan riwayat Ibn Mas'ud (Wizarah Awqaf, 2006):

{ أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ جَمَعَ بِالْمَدِينَةِ وَكَانُوا أَرْبَعِينَ رَجُلًا }

Maksud: "Bahawa Nabi SAW telah berjumaat di Madinah dan (bilangan) mereka adalah (terdiri daripada) 40 lelaki."

Mazhab Shafi'i menyandarkan pandangannya juga dengan hadis yang diriwayatkan oleh al-Daruqutni daripada hadis 'Abd al-Rahman bin Ka'ab bin Malik (Abu Dawud, 1952):

{ حَدَّثَنَا قُتَيْبَةُ بْنُ سَعِيدٍ حَدَّثَنَا ابْنُ إِدْرِيسَ عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ إِسْحَاقَ عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ أَبِي أُمَامَةَ بْنِ سَهْلٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ كَعْبِ بْنِ مَالِكٍ - وَكَانَ قَائِدًا أَبِيهِ بَعْدَ مَا ذَهَبَ بَصْرُهُ عَنْ أَبِيهِ كَعْبِ بْنِ مَالِكٍ أَنَّهُ كَانَ إِذَا سَمِعَ النَّدَاءَ يَوْمَ الْجُمُعَةِ تَرَحَّمَ لِأَسْعَدَ بْنِ زُرَّارَةَ. فَقُلْتُ لَهُ إِذَا سَمِعْتَ النَّدَاءَ تَرَحَّمْتَ لِأَسْعَدَ بْنِ زُرَّارَةَ قَالَ لِأَنَّهُ أَوَّلُ مَنْ جَمَعَ بِنَا فِي هِزْمِ النَّبِيِّ مِنْ حَرَّةِ بَنِي بَيَاضَةَ فِي نَفِيعٍ يُقَالُ لَهُ نَفِيعُ الْخِضْمَاتِ. قُلْتُ كَمْ أَنْتُمْ يَوْمَئِذٍ قَالَ أَرْبَعُونَ }

Maksudnya, "Telah menceritakan kepada kami Qutaybah bin Sa'id, daripada Ibn Idris, daripada Muhammad bin Ishaq, daripada Muhammad bin Abi Umamah bin Sahl, daripada bapanya, daripada 'Abd al-Rahman bin Ka'ab bin Malik, (di mana dia (Ka'ab) memimpin (tangan) bapanya ketika dia sampai di Basrah), daripada bapanya iaitu Ka'ab bin Malik, di mana bapanya setiap kali mendengar seruan azan pada hari Jumaat akan mendoakan kesejahteraan kepada As'ad bin Zurarah, dan bapanya berkata; ini kerana dia (As'ad) orang pertama menghimpunkan kami (untuk solat Jumaat) di Hazm al-Nabit, di Harrah Bani Bayadah di Naqi' yang dikenali sebagai Naqi' al-Khadimat. Aku bertanya: "berapa bilangan kamu waktu itu? Dia menjawab: 40 orang".

Hujah keperluan 40 orang ini juga disandarkan pada amalan Nabi Muhammad SAW pada zaman Mekah, iaitu sekalipun solat Jumaat telah disyariatkan ketika Nabi SAW berada di Mekah lagi tetapi baginda tidak menunaikannya lagi kerana dikatakan tidak cukup ahli. Fuqaha berhujah bahawa Nabi SAW tidak pernah mendirikan solat jumaat dengan bilangan yang kurang daripada 40 orang jemaah (al-Nawawi, t.th).

Manakala hukum asal berkenaan pendirian solat jumaat di sesuatu kariah hendaklah oleh satu masjid sahaja. Hal ini kerana fuqaha berhujah bahawa Rasulullah SAW dan Khulafa al-Rasyidin selepasnya tidak pernah mendirikan jumaat di dua tempat berbeza. Imam Shafi'i (2011) menyatakan:

ولا يجمع في مصر وان عظم وكثرت مساجده إلا في مسجد واحد وذلك لان النبي صلى الله عليه وسلم والخلفاء بعده لم يفعلوا

Maksud: "Tidak dilaksanakan solat jumaat di Mesir, meskipun negeri tersebut besar dan mempunyai bilangan masjid yang banyak, melainkan hanya boleh dilaksanakan di sebuah masjid sahaja, kerana Nabi SAW dan khulafa tidak pernah melakukannya (berbilang jumaat)".

Jika dilakukan solat berbilang, solat yang sah adalah di masjid yang diberi kelulusan oleh pemerintah atau yang dihadiri oleh pemerintah untuk bersolat jumaat. Dalam

pandangan lain, masjid yang terlebih dahulu melakukan solat jumaat adalah sah, manakala yang kedua adalah batal (al-Nawawi, t.th).

PERBINCANGAN

Fuqaha mengharuskan solat jumaat didirikan di sesuatu tempat bagi menggantikan masjid asal yang sedang dibaikpulih. Dalam hal ini, maka adalah harus mendirikan solat di kawasan tertentu secara sementara berdekatan dengan tapak masjid tersebut. Ini kerana tempat tersebut pada asalnya adalah kawasan binaan yang lazim solat jumaat diadakan sebagaimana keterangan Imam al-Shafi'i (2011):

ولا بد أن تكون الأبنية مجتمعة والمرجع فيه إلى العرف ولو اخدمت الأبنية وأقاموا لعمارتهما لم يضر انهدامها في صحة الجمعة وإن لم يكونوا في مظال لأنها وطنهم ولا تنعقد في غير بناء إلا في هذا وهذا بخلاف ما لو نزلوا مكانا وأقاموا فيه

Maksud: *“Tidak dapat tidak(didirikan jumaat) di kawasan adanya binaan berkelompok. Penentuannya adalah berdasarkan urf. Sekiranya roboh binaan itu dan mereka mendirikan solat untuk mengimarahkan tempat itu, maka tidak masalah dengan rosaknya tempat itu bagi sahnya (solat) jumaat sekalipun mereka tidak berada di tempat terlindung kerana itu adalah negeri mereka, dan tidak berlaku (sah jumaat) melainkan dalam binaan sebegini”*.

Berdasarkan hal ini, surau sementara ini perlu mempunyai fasiliti yang memadai seperti tempat sujud yang mencukupi untuk sekurang-kurangnya 40 orang ahli jemaah yang wajib mendirikan solat jumaat dan mendengar khutbah.

Oleh itu, tiada masalah jika solat jumaat diadakan di anjung masjid sedia ada, atau di kawasan halaman atau tempat meletakkan kenderaan sekiranya sesuai dan selamat. Manambah hal ini, fuqaha Mazhab Shafi'i berpandangan solat jumaat juga boleh dilaksanakan di tempat selain daripada di dalam masjid yang terbuka dan lapang. Al Nawawi (t.th) berkata:

قَالَ أَصْحَابُنَا وَلَا يُشْتَرَطُ إِقَامَتُهَا فِي مَسْجِدٍ وَلَكِنْ جَوَازٌ فِي سَاحَةِ مَكْشُوفَةٍ

Maksudnya, *“Para fuqaha Shafi'iyah berkata, tidak disyaratkan solat jumaat di masjid, bahkan harus di kawasan yang terbuka”*.

Begitu juga sebagaimana yang dijelaskan oleh al-Iraqi (t.th) dalam kitab *Tarh al Tathrib* bahawa solat jumaat tidak dikhususkan di masjid semata-mata, bahkan boleh juga didirikan di lokasi tertentu di penempatan manusia. Bagaimanapun, tidak perlu melaksanakan solat tahiyah ketika memasuki tempat selain masjid ini kerana ia tidak dituntut.

Apa yang penting, penggantian solat jumaat tersebut dilakukan di kawasan penempatan manusia. Imam Nawawi (t.th) menjelaskan bahawa solat jumaat tidak dilaksanakan pada zaman Rasulullah SAW dan juga zaman Khulafa' melainkan di negeri atau kampung yang mempunyai penempatan. Oleh yang demikian, maka tidak harus jika terdapat sekumpulan orang melaksanakan jumaat di kawasan luar sempadan negeri kerana ia dianggap bukan kawasan mastautin manusia.

Menegaskan hal ini, al-Shirbini (1994) menjelaskan syarat kawasan yang sah didirikan jumaat ialah kawasan tersebut telah dibangunkan. Golongan Shafi'iyah berpandangan solat jumaat boleh dilaksanakan di tempat selain masjid termasuklah di kawasan terbuka yang tidak berbumbung dan berdinging. Selari dengan pandangan ini juga,

Abu Hanifah dan fuqaha lain ada menyatakan bahawa Nabi Muhammad SAW pernah solat jumaat di *batn al-wadi* (ruang yang lapang).

Dalam pensyaratan bilangan jemaah jumaat, fuqaha mensyaratkan ahli jumaat seramai 40 orang ini mestilah yang tinggal dalam jarak 3 hingga 10 batu daripada tempat didirikan solat. Pandangan ini lebih kurang setara seperti menurut al Zuhri iaitu wajib jumaat bagi orang berada dalam jarak sekitar enam batu, tetapi Malik dan al Layth berpendapat hanya sekitar 3 batu, manakala Muhammad bin al Munzir dan Rabi'ah berpendapat lebih kurang 4 batu. Oleh kerana itu, imam Abu Hanifah dan Ahli al Ra'yi berpandangan solat jumaat tidak wajib bagi orang yang berada jauh daripada satu-satu kawasan solat seperti di luar *balad* sama ada dia mendengar azan atau tidak. Manakala Syeikh Abu Hamid pula yang manukilkan pendapat 'Ata', solat jumaat tetap wajib jika berada dalam jarak 10 batu dari *balad* (al-Shirbini, 1994). Jarak ini bagaimanapun pada hari ini adalah merupakan suatu ijtihad. Malah pada hari ini tidak timbul isu, kerana ada perumahan flat dan taman yang mempunyai ramai jemaah.

Justeru, jika jumlah dalam kariah tersebut diyakini mencapai jumlah ini maka kebenaran jumaat sementara boleh diberikan. Jika tidak, tak harus dan asal hukumnya adalah melakukan solat zohor sehingga mencapai jumlah tersebut. Ahli jemaah surau sementara ini mestilah sekurang-kurangnya mempunyai 40 orang ahli kariah yang bermastautin tetap di situ. Kebiasaannya pada hari ini, setiap masjid atau surau mempunyai Jawatankuasa Kariah iaitu jawatankuasa yang ditubuhkan melalui peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 104, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Pulau Pinang 1993.

Menurut Kaedah 22, Kaedah-Kaedah Jawatankuasa Qaryah Dan Pegawai Masjid (Negeri Pulau Pinang) 1997, mesyuarat jawatankuasa kariah perlu dilakukan sekurang-kurangnya 2 bulan sekali. Ini akan dapat memberikan maklumat mengenai bilangan dan kedudukan masyarakat kariah tersebut. Bagaimanapun menurut borang permohonan untuk jumaat sementara di bawah MAINPP pada hari ini, pemohon dikehendaki memperakukan sekurang-kurangnya 60 orang penduduk lelaki yang bermaustatin / bermukim dan aqil baligh di kawasan itu yang dicadangkan tersebut.

Dalam memastikan ketertiban dalam melaksanakan solat jumaat sementara, Imam al-Nawawi (t.th(b)) menggalakkan supaya ia dilakukan dengan kebenaran pemerintah. Menurut Imam Nawawi (t.th(b)):

فقال الشافعي والأصحاب: يستحب أن لاتقام الجمعة إلا بإذن السلطان أو نائبه

Maksud: "Imam Syafi'i dan fuqaha Shafi'iyah berpendapat: digalakkan supaya solat jumaat tidak dilakukan melainkan dengan dengan keizinan Sultan atau wakilnya".

Kepatuhan ini bagi menjaga solat yang dilakukan memenuhi segala syarat dan rukun yang disyariatkan agama dan solat yang dilakukan adalah sah. Justeru, imam dan khatib juga mestilah yang dilantik di bawah Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Pulau Pinang, 1997) supaya syarat imam, khatib dan tajuk khutbah selari dengan maksud dan kelayakan yang diperlukan serta selaras dengan siyasah syar'iyah.

Faktor yang perlu dipertimbangkan juga ialah bagi mengelak wujudnya kesukaran kepada golongan tertentu jika solat jumaat tidak dibenarkan. Ini kerana ia akan mengakibatkan sebahagian besar jemaah yang tua, uzur, kurang kemampuan dan remaja tidak dapat menunaikan solat jumaat pada hari itu kerana jauh, sesak dan laluan sibuk. Sedangkan hukum mendirikan solat jumaat adalah wajib selagi tidak terdapat *rukhsah* tertentu yang diharuskan ke atas seseorang individu untuk meninggalkannya seperti hujan

lebat, sakit dan takut. Ibn Abbas r.a meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda (Abu Dawud, 1952):

{ مَنْ سَمِعَ الْمُنَادِيَ فَلَمْ يَمْتَنِعْهُ مِنْ اتِّبَاعِهِ غُدْرٌ فَلَا صَلَاةَ لَهُ قَالُوا: وَمَا الْغُدْرُ؟ قَالَ: خَوْفٌ، أَوْ مَرَضٌ }

Maksudnya, “Barangsiapa yang mendengar (azan) tukang azan lalu dia tidak memiliki keuzuran yang menghalangnya mengikuti solat (jemaah), maka solatnya tidak diterima. Sahabat bertanya, “Apakah itu keuzuran?” Baginda menjawab: “Perasan takut dan sakit”.

Oleh itu, kelonggaran untuk mendirikan solat jumaat sementara perlu dibenarkan sekiranya boleh menyebabkan peninggalan solat jumaat di sesuatu kawasan.

Fatwa Semasa dan Analisis Kebenaran Solat Jumaat Sementara

Dalam fatwa-fatwa di Malaysia, beberapa surau institusi pernah diberikan kebenaran untuk mendirikan solat jumaat. Misalnya di Melaka, Masjid Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (UTeM) di Durian Tunggal pernah diberi status sebagai “masjid institusi” pada tahun 2010 oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka tanpa melibatkan pemecahan kariah kerana wujud keperluan yang mendesak dan meraikan kemaslahatan umum untuk didirikan solat jumaat sementara. Begitu juga Lembaga Fatwa Negeri Sarawak Kali Ke 14, yang bersidang pada 9 Syaaban 1429H/ 11 Ogos 2008M telah membincangkan mengenai hukum solat jumaat di kawasan kampus institusi pengajian tinggi dan sekolah-sekolah menengah yang jauh dari masjid untuk mendirikan solat jumaat.

Mesyuarat telah membuat keputusan bahawa sekolah-sekolah menengah, institusi-institusi pengajian tinggi dan lain-lain institusi boleh mendirikan solat jumaat di kawasan masing-masing tertakluk kepada peraturan dan prosedur yang berkuatkuasa pada masa itu dan setelah mendapat persetujuan daripada Jabatan Mufti Negeri Sarawak serta kelulusan Majlis Islam Sarawak.

Berdasarkan beberapa senario dan keputusan fatwa yang pernah dibincangkan, perbincangan fekah telah mengenalpasti beberapa elemen boleh dijadikan parameter bagi kebenaran solat jumaat sementara di surau dan dewan-dewan orang ramai di negara ini, iaitu berasaskan kepada parameter-parameter berikut:

a. Wujudnya *Mashaqqah*/Keperluan kepada Golongan Tertentu

Kebiasaannya permohonan solat jumaat bagi surau institusi dibuat kerana wujudnya keperluan (*al-hajah*) tertentu seperti ahli jemaah boleh mendirikan solat di surau sementara di tempat yang lebih dekat, menjimatkan masa dan waktu rehat/solat yang pendek. Faktor jarak yang jauh dari masjid adalah merupakan satu *mashaqqah* khususnya kepada jemaah tertentu. Tanda sesebuah masjid itu berada jauh adalah apabila azan yang dikumandangkan tidak didengari oleh telinga dan terdapat risiko keselamatan untuk menempuh kesesakan lalu lintas yang boleh diqiaskan semasa peperangan (*al-Nawawi, t.th(b)*).

Faktor *mashaqqah* ini boleh diteliti berdasarkan wujudnya kesulitan untuk keluar, mendapatkan tempat parking, mengejar masa rehat untuk solat dan makan tengahari, kesesakan jalan raya dan waktu terhad untuk kembali semula ke pejabat/sekolah. Selaras dengan ini, Allah SWT ada berfirman dalam:

﴿يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ﴾

Maksud: “Allah menghendaki akan kamu kemudahan dan tidak membiarkan kamu dalam kesukaran”. (*al-Quran. Al-Baqarah: 185*)

Berasaskan nas ini, para fuqaha ada merumuskan satu Kaedah Fekah iaitu “*al-mashaqqah tajlibu al-taysir*” yang bermaksud sesuatu kesukaran perlu dibawa kepada kemudahan. Berdasarkan hujah untuk menolak *mashaqqah* sebegini, MAIS pernah memberikan kebenaran kepada Maktab Latihan Polis, Program *Malaysia Agriculture Horticulture and Agrotourism* (MAHA), surau kuarters penjara Sg. Buloh, surau IPK Selangor, surau dalam penjara dan surau pusat tahanan koreksional untuk mendirikan solat jumaat sementara.

Di Pulau Pinang, kebenaran pernah diberikan kepada surau MRSM Kepala Batas kerana kesukaran pelajar untuk ke masjid. Pertimbangan turut diberikan berikutan kos pengangkutan sebanyak RM35,200 setahun sekiranya terpaksa solat di luar dan faktor kesuntukan masa untuk sambung belajar selepas solat. Begitu juga bagi Sekolah Tunas Bakti di Teluk Air Tawar yang menghadapi isu keselamatan jika membenarkan pelajarinya untuk sembahyang jumaat di luar. Walau bagaimanapun kebenaran ke atas surau ILP Kepala Batas tidak diberikan kerana masjid terdekat hanyalah sejauh 1.5 km. Begitu juga dalam kes surau al-Hidayah yang melibatkan jarak 2 km dari surau ke masjid. Pertimbangan *mashaqqah* ini penting kerana pelaksanaan syariah itu tidaklah bersifat sempit dan menyusahkan umat Islam.

b. Lokasi Sesuai, Selamat dan Layak untuk Solat Jumaat

Kesesuaian lokasi adalah bagi memastikan solat dapat dilakukan dengan khusyuk, khutbah dapat didengar dengan baik, persekitaran selamat dan layak sebagai tempat untuk melakukan ibadat. Ini kerana solat jumaat melibatkan ibadat solat dan pengisian ilmu melalui khutbah yang diberikan sebelumnya. Justeru, kesesuaian lokasi juga merupakan faktor penting. Begitu juga syarat untuk sah solat seperti tempat yang bersih daripada najis atau tidak mengganggu laluan orang ramai untuk lalu-lalang.

Syarat ini pernah dipertimbangkan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka bil. 3/2012 yang bersidang pada 20 Sya’aban 1433H bersamaan 10 Julai 2012 yang telah membincangkan mengenai permohonan menunaikan solat jumaat di Kilang Honda Malaysia Sdn. Bhd. di Alor Gajah Melaka. Mesyuarat telah membuat keputusan pada ketika itu bahawa solat Jumaat tidak harus diadakan di dalam premis kilang Honda Malaysia kerana cadangan lokasi tapak mengadakan solat Jumaat adalah di ruang ‘*Buy Off Area*’ yang didapati tidak sesuai. Bagaimanapun siding mesyuarat ada menyatakan bahawa kebenaran mengadakan solat jumaat boleh diberikan kepada kilang Honda Malaysia dengan syarat pihak pengurusan dapat menyediakan binaan atau tempat yang khusus untuk mengadakan solat jumaat (bukan ruang gunasama) di samping memenuhi syarat-syarat asas yang lain seperti keperluan adanya jemaah yang boleh menjadi imam, pembaca khutbah dan pemastautin.

Bagi komuniti khas seperti penjara atau pusat tahanan, soal keselamatan untuk mendirikan solat jumaat juga perlu diambil kira. Sekiranya dipercayai banduan itu dapat dijamin berakhlak dengan baik, selamat untuk diuruskan, tidak merbahaya kepada awam atau kepada diri banduan itu sendiri, maka kebenaran solat kepada banduan atau institusi penjara boleh dibenarkan. Ini kerana banduan adalah antara individu yang sangat perlu kepada nasihat khususnya melalui khutbah jumaat. Bagaimanapun sekiranya tidak dapat dijamin isu keselamatan, pandangan fuqaha Shafi’iyah yang terkuat ialah tidak membenarkannya (al-Shirbini, 1994). Dalam hal ini, kedudukan banduan adalah seperti hamba yang terasing.

Menurut al-Fatani (2010), orang yang berada dalam tahanan ini adalah memikul satu keuzuran. Manakala menurut al-Baghawi dan al-Ghazali (1997), sekiranya kadi melihat ada masalah untuk menghalang banduan daripada solat jemaah maka halanglah. Ini kerana kedudukan banduan seperti seorang hamba yang dimiliki, sebagaimana hadis (Abu Dawud, 1952):

{الجمعة حق واجب على كل مسلم إلا أربعة: عبد مملوك أو امرأة أو صبي أو مريض}

Maksudnya, “Jumaat adalah hak yang wajib dilaksanakan oleh setiap muslim, kecuali empat golongan: hamba yang dimiliki, perempuan atau kanak-kanak, atau orang sakit”.

Sebahagian muta’akhirin berhujah dengan hadis ini yang menyatakan bahawa sebagai hamba yang terpaksa mengikut tuannya, maka tiada jumaat baginya kerana mereka tidak bebas. Oleh itu, semua jenis hamba adalah dikecualikan jumaat dan hukum yang sama boleh diaplikasikan ke atas banduan dan tahanan-tahanan yang lain (al-Mashhur, t.th).

Rukhsah solat jumaat bagi tahanan adalah sebagaimana pandangan Ibnu Hajar al-Haitami (919-1003H) dalam kitabnya *al-Fatawa al-Kubra al-Fiqhiyyah* sewaktu disoal mengenai: “Adakah orang-orang (banduan) mesti mendirikan sembahyang Jumaat dalam penjara?” Jawabnya secara *qiyas* mereka itu mesti melakukannya apabila terdapat syarat wajib jumaat dan syarat-syarat sahnya, dan tidak ditakuti timbul fitnah akibat mendirikan Jumaat itu dalam penjara (al-Zuhayli, 2007a).

Imam ar-Rafi’i ada menyebutkan dalam perkara sembahyang berjemaah bahawa pengurangan atau pemenjaraan itu adalah dianggap satu keuzuran jika tidak berlaku pengabaian oleh orang yang meninggalkannya. Pernah berlaku, Imam al-Buwayti semasa dalam tahanan telah mandi dan memakai pakaian yang paling bersih, kemudian pergi ke pintu penjara dan meminta kebenaran kepada pengawal supaya dia dibenarkan pergi menunaikan sembahyang Jumaat. Akan tetapi pengawal pintu penjara melarangnya, lalu Imam al-Buwaithi pun kembali ke tempatnya sambil berkata: “Kini telah gugurlah kewajipan Jumaat ke atasku” (al-Fatani, 2010).

Bagi kes yang tidak melibatkan faktor keselamatan yang tinggi, kebenaran untuk solat jumaat pernah diberikan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu yang telah menyemak keputusan sebelumnya pada tahun 2000 dengan memberi kebenaran khas kepada Pusat Serenti, Besut untuk mendirikan jumaat bagi penghuni-penghuni pusat Serenti berkenaan. Secara tidak langsung, ia merupakan isu ijtihad bergantung kepada sejauhmana isu keselamatan dapat dipelihara dan dikekalkan dengan kebenaran tersebut.

c. Kawasan Solat Dapat Menampung Lebih daripada 40 Orang Jemaah

Menurut pandangan Mazhab Hanafi dan satu pandangan daripada pandangan-pandangan Mazhab Shafi’i (pandangan bukan muktamad dalam mazhab Shafi’i) (Wizarah Awqaf, 2006), bahawa sah solat jumaat yang dihadiri oleh orang yang bermukim sahaja tanpa dihadiri oleh orang yang mustautin. Ia juga merupakan pendapat daripada Abu ‘Ali Ibn Abi Hurayrah (w. 345H).

هل تنعقد بمقيمين غير مستوطنين فيه وجهان قال أبو علي بن أبي هريرة تنعقد بهم لانه تلزمهم الجمعة فانعقدت بهم كالمستوطنين

Maksud: “Adakah solat jumaat boleh terlaksana dengan bilangan orang yang bermukim (bukan mastatutin)? Terdapat dua pendapat: Abu ‘Ali bin Abu Hurayrah berpendapat ia

dikira kerana mereka juga wajib melaksanakannya maka hukumnya sama seperti orang bermastautin”.

Jelasnya, adalah sah jumaat walaupun kebenaran kepada surau institusi ini akan mengakibatkan berbilang jumaat di sesebuah kariah. Pada hari ini, tiada isu besar mengenai jumlah 40 orang ini kerana kakitangan sesebuah institusi biasanya menjangkau angka yang lebih daripada itu yang tinggal berdekatan, terutama apabila mempunyai kuarters penginapan untuk kakitangan.

Malah kebenaran solat jumaat kepada Masjid Perangin dan Masjid Titi Papan di Georgetown Pulau Pinang adalah memakai pandangan ini iaitu sah jumaat walaupun tiada seorang pun ahli kariah yang bermastautin di situ. Surau Limbungan Kapal Penang Shipbuilding & Construction Sdn. Bhd. yang terletak di Pulau Jerjak juga menghadapi kesulitan yang sama yang terpaksa menaiki bot ke Batu Maung untuk mendirikan solat jumaat, dan kerana itu umat Islam di sana dibenarkan untuk berjumaat di Pulau Jerjak tersebut.

Malah pertimbangan ini pernah diberikan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka pada 2010 yang telah membincangkan mengenai permohonan mendirikan solat jumaat di Surau Universiti Kuala Lumpur (UniKL) MICET, Taboh Naning di Alor Gajah, Melaka. Jawatankuasa Fatwa bersetuju membenarkannya kerana wujud kesulitan dan keperluan yang mendesak dengan bersandarkan kepada satu *qawl* dalam Mazhab Shafi'i yang mengharuskan orang-orang yang bermukim di satu tempat dan bilangannya lebih daripada 40 orang untuk mendirikan Jumaat (al-Shafi'i, 2011).

d. Jemaah Terdiri daripada Ahli Kariah yang Bermukim

Dalam Kitab *al-Wasit fi al-Madhab* karangan al-Ghazali (1997), solat jumaat mesti dilakukan di kawasan penempatan di mana ia adalah tempat tinggal sesebuah masyarakat yang tetap dan kekal, tanpa berpindah lagi untuk musim-musim tertentu. Paling minima, ia dilaksanakan di kawasan terdapat binaan kediaman penduduk. Pandangan ini selari dengan kenyataan Imam al-Syirazi bahawa tidak sah jumaat kecuali di kawasan adanya binaan-binaan yang didiami (oleh orang yang terlaksana jumaat dengan bilangan mereka) di sesebuah *balad*, atau kampung kerana pada zaman Rasulullah SAW dan al-Khulafa, tidak pernah solat jumaat dilaksanakan melainkan di *balad* atau pun kampung. Oleh yang demikian, tidak sah diadakan solat jumaat di kawasan yang baru didatangi sekiranya rumah-rumah kediaman masih belum dibina walaupun sudah ada perancangan untuk dijadikan penempatan baru.

Bagaimanapun di kawasan yang ada pemastautin khusus, kebenaran jumaat perlu diberikan kerana ia adalah tempat mereka menetap sekalipun belum ada binaan yang kemas. Al-Nawawi (t.th) menyatakan bahawa fuqaha Shafi'iyah mensyaratkan kesahan pada solat jumaat yang dilakukan di kawasan yang ada binaan kediaman yang berkelompok. Berkata Syafie dan fuqaha mazhabnya, solat jumaat tersebut adalah sah sama ada binaan itu diperbuat daripada batu, kayu, tanah, buluh/batang tebu, pelepah tamara tau solat di tengah-tengah padang.

Pada hari ini tidak timbul isu jemaah yang bermukim dan bermastautin yang tidak mencukupi untuk berjumaat kerana ada perumahan yang padat di semua kawasan terutama di kawasan bandar dan pinggir bandar. Misalnya di Pulau Pinang, sementara diluluskan permohonan penubuhan kariah baharu bagi Bandar Baru Sungai Pinang, maka dibenarkan untuk mendirikan solat jumaat sementara di Surau al-Solihin, Daerah Timur

Laut. Bilangan jemaah tidak menjadi isu kerana ahli Kariah Sungai Pinang mempunyai penduduk seramai 3000 orang, sedangkan Masjid Jamek Sungai Pinang hanya dapat memuat kapasiti 1600 sahaja. Justeru, dengan jumlah kariah adalah sebagaimana angka tersebut maka diyakini ia telah mencapai jumlah kariah yang diperlukan.

e. Berbilang Jumaat Berdasarkan Keperluan

Mengikut al-Shafi'iyah, hanya satu masjid sahaja dibenarkan mendirikan jumaat di satu-satu tempat pada satu-satu masa (al-Nawawi, t.th). Bagaimanapun ia diharuskan sekiranya ada keperluan (*maslahah*) dan akibat kesukaraan untuk berhimpun di satu-satu tempat. Ini adalah pandangan oleh al-Mawardi, Abu al-Abbas Ibn Surayj dan Abu Ishaq al-Shirazi dari Mazhab Shafi'i yang membenarkan berbilang jumaat dalam satu kawasan apabila wujudnya maslahat. Inilah pandangan yang dipilih dan pandangan ini telah ditarjih oleh al-Ghazali (1997) dalam *Kitab al-Wasit fi al-Madhhab* yang disebut seperti berikut:

إذا كثرت الجمع وعسر الاجتماع في مسجد واحد إما للزحمة وإما لنهر لا يخوض إلا السابح كدجلة فيجوز عقد جمعيتين كما ببغداد

Maksud: "Apabila jemaah menjadi ramai dan sukar untuk menghimpunkan mereka dalam satu masjid, sama ada disebabkan kepadatan, atau disebabkan terdapat sungai yang hanya boleh diseberangi dengan berenang seperti sungai Dajlah, maka harus dilaksanakan dua solat jumaat seperti yang berlaku di Baghdad".

Pandangan ini juga dipegang oleh Ibn Qudamah al-Maqdisi dari Mazhab Hanbali yang berkata jika sesuatu kawasan itu besar yang menyukarkan penduduknya berkumpul dalam satu masjid, kesukaran itu sama ada disebabkan jauhnya perjalanan ke masjid, atau sempitnya masjid sehingga tidak mampu menampung jumlah jemaah seperti di Baghdad, Asfahan dan seumpama kedua-duanya yang mempunyai bandar besar, maka solat jumaat dalam kesemua masjid adalah sah selagi mana mereka memerlukannya (al-Zuhayli, 2008).

Tarjih dari sudut dalil mendapati walaupun berbilang jumaat tidak pernah dilakukan oleh Nabi Muhammad SAW, mahupun para Khulafa' al-Rashidin, namun tiada dalil jelas yang mengharamkannya. Syarat tidak berbilang jumaat juga tidak termasuk dalam rukun solat jumaat. Selain itu, maksud dari solat jumaat adalah perhimpunan dan khutbah, maka ia harus dilakukan sama ada dalam satu masjid atau lebih selagi mana maksud pelaksanaan jumaat itu tercapai (al-Zuhayli, 2008). Dalam suatu peristiwa, 'Ali RA pernah menghimpunkan dua jemaah solat hari raya dalam kawasan yang sama apabila beliau mengimamkan penduduk yang berkumpul di tanah lapang, manakala solat di masjid pula diimamkan oleh Abu Mas'ud .

Oleh itu berdasarkan Kaedah Fiqh yang bermaksud, "sesuatu itu adalah harus selagi mana tiada dalil yang mengharamkannya" serta kaedah "sesuatu yang diharuskan kerana darurat, maka ia sekadar melepasi darurat tersebut", maka melakukan berbilang solat jumaat dalam satu kawasan adalah diharuskan selama mana ia menjadi keperluan kepada masyarakat bagi mengangkat kesusahan dalam melaksanakan ibadat solat jumaat (al-Shirbini, 1994).

Berdasarkan maksud ini, pengarang Kitab *Bughyah al-Mustarsyidin* (al-Mashhur, t.th) ada menyimpulkan tiga alasan untuk diharuskan berbilang jumaat di sesuatu tempat iaitu, pertama adalah kerana sempitnya tempat solat, dengan sekira-kira tidak dapat menampung jemaah jumaat menurut kebiasaannya. Kedua, akibat berlaku peperangan (permusuhan) di antara dua kumpulan dan ketiga ialah jauhnya jarak dengan sekira-kira berada pada tempat

yang tidak didengari azan. Dalam *al-Majmu'*, Imam Nawawi (t.th) menyebut alasan jauh ini dengan huraian kawasan yang besar sehingga sukar untuk berkumpul pada satu-satu tempat.

Pandangan ini adalah selari dengan beberapa fatwa rasmi seperti Fatwa *Dar al-Ifta'* Jordan menyatakan harus melaksanakan solat jumaat selain masjid sehingga menyebabkan berlakunya beberapa solat jumaat dalam satu tempat jika ada masalah iaitu seperti masjid kariah yang telah sempit, kariah yang semakin membesar atau terdapat kesulitan tertentu (al-Zuhayli, 2007).

Fatwa *Dar al-Ifta'* Dubai menyatakan jika jarak masjid adalah jauh hingga sukar untuk pergi kepadanya, sempit untuk menampung jumlah Jemaah, takut fitnah (keselamatan), terdapat musuh di tengah perjalanan atau apa jua keuzuran yang wujud, maka dibenarkan untuk melakukan solat jumaat di tempat selain masjid kariah. Ini sebagaimana pendapat yang terdiri daripada al-Malikiyyah, al-Shafi'iyyah dan Hanabilah (Wizarah al-Awqaf, 2006). Sementara dalam Mazhab Hanafi, terdapat syarat tambahan iaitu terdapat kebenaran daripada imam (mufti) yang membenarkan ia dilakukan.

Di Malaysia, kebenaran seumpama ini pernah dibenarkan yang melibatkan kuasa pemerintah. Misalnya, Lembaga Fatwa Negeri Sarawak Kali Kesepuluh, yang bersidang pada 25 Syaaban 1427H/18 September 2006M telah membincangkan mengenai berbilang-bilang jumaat. Mesyuarat telah membuat keputusan bahawa solat jumaat tidak boleh berbilang di suatu kariah melainkan kerana *hajat*. Hajat tersebut hendaklah ditentu dan dengan izin pihak yang berwajib/pemerintah. Dalam konteks agama, ia hendaklah mendapat kelulusan daripada Jabatan Mufti Negeri yang menjadi pemutus kepada persoalan mengenai hal ehwal hukum syarak.

Justeru, kebenaran untuk solat jumaat yang dilakukan secara sementara perlu keizinan dan kebenaran pihak berkuasa bagi memastikan sesebuah komuniti masyarakat tidak sewenang-wenangnya mendirikan solat jumaat di sesuatu tempat yang akan mewujudkan berbilang jumaat tanpa masalah yang benar. Maka tidak sah solat jumaat yang tidak mendapat keizinan daripada pemerintah, ini adalah *qawl qadim* dalam mazhab Shafi'i dan pandangan ini dipegang oleh Abu Hanifah dan al-Auza'i (al-Nawawi, t.th).

وقال أبو حنيفة، والأوزاعي: (لا تصح إقامتها إلا بإذن الإمام أو الوالي من قبله وحكى بعض أصحابنا: أن هذا قول الشافعي في القديم

Maksud: "Imam Abu Hanifah dan al Auza'i berkata: tidak sah solat kecuali dengan izin pemerintah atau gabenor yang dilantik oleh pemerintah. Fuqaha Shafi'iyyah berkata, inilah juga *qawl qadim* Imam Syafi'".

Berdasarkan perbincangan di atas, solat jumaat adalah *fardu ain* ke atas mukallaf lelaki untuk melakukannya. Meninggalkannya dengan sengaja dan tanpa alasan yang munasabah merupakan satu celaan dalam agama. Justeru, sekiranya berlaku kesesakan dalam masjid sedia ada, atau masjid yang baharu belum siap pembinaan, maka kebenaran untuk mendirikan solat jumaat sementara hendaklah dibenarkan oleh pemerintah dengan garis panduan atau parameter yang dinyatakan.

Parameter dalam menentukan pemberian kebenaran ini hendaklah mengambil kira kemaslahatan jemaah antaranya ialah kawasan yang sesuai, mempunyai fasiliti yang cukup untuk berwuduk, masjid sedia ada tidak mampu menampung jumlah jemaah semasa yang melimpah, jarak masjid terdekat adalah jauh (2 km dan lebih), bilangan jemaah di kawasan sementara melebihi 40 orang iaitu mukallaf lelaki dan mastautin. Pada masa yang sama

surau jumaat sementara mempunyai jawatankuasa surau khas yang bertanggungjawab mengatur dan mematuhi peraturan jumaat selaras dengan peraturan MAIN. Pada masa yang sama mengambil kira ramainya umat Islam yang akan terkandas daripada mendirikan solat jumaat sekiranya tiada kebenaran diberikan, pihak berkuasa agama hendaklah mempermudah hal ini. Ini kerana solat jumaat adalah satu syiar yang bagi umat Islam di sesebuah kawasan.

PENGHARGAAN

Penulis ingin mengucapkan terima kasih atas dapatan perbincangan ini yang merupakan sebahagian daripada kajian yang ditaja oleh Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang pada tahun 2019.

RUJUKAN

- Abu Dawud, Sulayman al-Sajistani. 1952. *Sunan Abi Dawud*. Mesir: Maṭba'at al-Babi al-Halabi.
- Ahmad Sunawari Long. 2014. *Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam, Selangor*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Iraqi, 'Abd al-Rahim al-Husayn. t.th. *Tarh al-Tatrib fi Sharh al-Taqrīb*. T.tp: Dar al-Ihya' al Turath al 'Arabi.
- Al-Nawawi, Abu Zakariya Yahya. t.th. *Al Majmu' Sharḥ al Muḥadhdhab*. Beirut : Dar al Fikr.
- Al-Shirbini, Muhammad bin Ahmad. 1994. *Mughni al Muhtaj ila Ma'rifah Ma'ani Alfaz al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- al-Fatani, Daud. 2010. *Furu Al-Masail wa Usul Al-Wasail*. Selangor: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- al-Ghazali, Muhammad. 1997. *al-Wasit fi al-Madhdhab*. Beirut: Dar al-Salam.
- al-Mashhur, 'Abd al-Rahman bin Muhammad. t.th. *Bughyah al-Mustarsyidin*. Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Nawawi, Abu Zakariyya Yahya. t.th(b). *Minhaj ath-Thalibin*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- al-Shafi'i, Muhammad bin Abi Bakar. 2011. *Bidayah al-Muhtaj*. Lubnan: Dar al-Minhaj.
- al-Zuhayli, Muhammad. 2007. *al-Mu'tamad fi al-Fiqh al-Shafi'i*. Damsyiq: Dar al-Qalam.
- al-Zuhayli, Wahbah. 2008. *al-Fiqh al-Shafi'i al-Muyassar*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Chua Yan Piaw. 2006. *Kaedah Penyelidikan*. Malaysia: Mc Graw Hill.
- Creswell, John. C. dan Creswell, John D. 2018. *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*. United Kingdom: Sage Publications.
- Maxwell, Joseph A. 2013. *Qualitative Research Design: An Interactive Approach*. United Kingdom: Sage Publications.
- Merriam, Sharan B. 2009. *Qualitative Research: A Guide to Design and Implementation*. USA: Jossey-Bass.
- Pulau Pinang. 1993. Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang 1993 [Pg.En. 7/1993].
- Pulau Pinang. 1997. Kaedah-Kaedah Jawatankuasa Kariah dan Pegawai Masjid (Negeri Pulau Pinang), Tahun 1997 dan pindaan Tahun 2003.
- Reevany Bustami, Eleesya Nasruddin dan Norman Blaikie. 2006. *Lima Falsafah Penyelidikan: Paradigma dan Strategi Penyelidikan untuk Sains Sosial dan Pengurusan*. Pulau Pinang, Knowledge Craftmen.
- Sabitha Marican. 2005. *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Selangor: Pearson Malaysia Sdn. Bhd, 122-127

- Sinar Harian, 2014. *Naik Taraf Surau Kepada Masjid*. Shah Alam: Kumpulan Karangraf. <https://www.sinarharian.com.my/mobile/politik/naik-taraf-surau-kepada-masjid-1.290201> (diakses pada 29 Jun 2021).
- Sinar Harian. 2021. Mohon Naik Taraf Surau Taman Kepada Masjid. Shah Alam: Kumpulan Karangraf. <https://www.sinarharian.com.my/article/27217/EDISI/Johor/Mohon-naik-taraf-surau-taman-kepada-masjid> (diakses pada 29 Jun 2021).
- Wizarah al-Awqaf. 2006. *Mawsu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaytiyyah*. Kuwait: Wizarah al-Awqaf wa al Shu'un al Islamiyyah.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Fiqhiyyat tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.